

Isu ekuiti Melayu belum bernoktah

Jurang kaya miskin antara kaum, masyarakat jejas keharmonian hidup

BH - 24/12/2006



DI LUAR BERSAMA
INGKARAN
Bersama **Johan Jaaffar**
e-mel:zuluj@tm.net.my

PROFESOR Datuk Dr Ismail Md Salleh menyampaikan syarahan dalam Wacana Bulan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Jumaat baru lalu yang membawa judul 'Menangani Dispariti Di Antara Kaum Di Malaysia: Mengelak Bom Jangka.' Beliau menghujahkan mengenai perlunya satu dasar yang tuntas dalam menangani isu ketidaksamaan antara kaum di negara ini. Di dalam masyarakat pelbagai kaum seperti Malaysia, ia adalah isu sensitif yang sekiranya tidak ditangani dengan bijak akan menimbulkan masalah besar pada masa depan.

Ketika Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan pada 1970, seluruh pimpinan politik dan rakyat negara ini melihat keperluannya dengan jelas. Negara baru saja berdepan dengan peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Isu penguasaan ekonomi yang berat sebelah menjadi punca utamanya. Tiga puluh enam tahun selepas pelaksanaan dasar itu, kita masih bercakap mengenai keperluan untuk melihatnya semula, mungkin dengan nama dan kaedah berbeza, tetapi dalam semangat dan tujuan sama.

Maka itu, Dr Ismail melihat secara positif bahawa pendekatan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan dapat membantu ke arah ini. Itupun sekiranya ada dasar yang betul, pelaksanaan tegas dan *political will* yang bersungguh-sungguh. Kita sebenarnya tidak payah meyakinkan sesiapa mengenai keperluan untuk menangani jurang ketidaksamarataan antara kaum ini. Malah, lebih merungsingkan ialah berlaku dispariti di dalam kaum itu sendiri, selain perbezaan berdasarkan tempat tinggal.

Beliau juga mengingatkan satu kajian dibuat pasukan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2004. Kajian itu membayangkan bahawa sekiranya senario yang sedia ada dikekalkan dan tidak berlaku penjaan semula atau dicari kaedah baru menanganinya, orang Melayu dan Bumiputera akan mengambil masa antara 150 hingga 160 tahun untuk mencapai pariti pendapatan dengan kaum lain.

Dr Ismail sendiri turut menyentuh mengenai aspek ekuiti negara yang selalu disebutkan sebagai penanda aras kedudukan dan kejayaan ekonomi. Menurut data dalam syarahan itu, hak milik modal keseluruhan bagi negara (pada nilai tara) bagi syarikat berhad pada 1990 ialah RM108.3 bilion. Jumlah itu menjadi RM332.4 bilion pada 2000 dan mencecah RM529.7 bilion pada 2004. Cuba lihat pula pemilikan Bumiputera.

Pada 1990, mereka memiliki RM20.8 bilion atau 19.3 peratus ekuiti. Dari segi peratus, jumlahnya merosot menjadi 18.9 peratus, walaupun jumlah keseluruhannya meningkat tiga kali ganda (RM62.9 bilion). Pada 2004, nilainya menjadi RM100 bilion tetapi peratusnya hanya 18.7 bilion.

Dr Ismail berkata, berdasarkan ke-

INTI PATI

Isu kemiskinan, langkah atasi

- Berdasarkan keadaan semasa, kaum Bumiputera dan orang Melayu tidak mungkin mencapai ekuiti 30 peratus disasarkan pada 2020.
- Liberalisasi ekonomi dan dunia tanpa sempadan membuka ruang sebesar-besarnya kepada mereka berkemampuan.
- Kekayaan hari ini dikuasai kelompok yang cerdik, berfikir di luar kotak dan yang memanfaatkan teknologi dan mengambil kesempatan daripada globalisasi.
- Dispariti pendapatan akan tetap berlalu. Keadaan akan lebih buruk akibat elemen penguasaan ilmu dan maklumat masa kini diambil kira.
- Selagi orang Melayu tidak mempersiapkan diri dengan cabaran masa kini dan masa depan, selagi itu usaha dan rancangan kerajaan tidak membuahkan hasilnya.
- Orang Melayu harus meningkatkan produktiviti dan menyusun semula struktur guna tenaga.

daan semasa, kaum Bumiputera dan orang Melayu tidak mungkin akan mencapai ekuiti sebanyak 30 peratus yang disasarkan pada 2020. Dengan nilai ekuiti RM100 bilion yang dimiliki mereka secara berkumpulan hari ini, mereka memerlukan RM710 bilion daripada RM2,360 bilion ekuiti keseluruhan bagi negara 14 tahun daripada sekarang.

Dr Ismail bagaimanapun, optimis bahawa banyak boleh dilakukan untuk mengejar sasaran itu. Apa yang dicadangkan beliau ialah transformasi dan kaedah melihat di luar kotak.

Ia isu yang sebenarnya menghantui bukan saja orang Melayu dan Bumiputera di negara ini, tetapi menjadi masalah global. Liberalisasi ekonomi dan dunia tanpa sempadan membuka ruang sebesar-besarnya kepada mereka yang berkemampuan.

Dengan itu kekayaan hari ini yang dikuasai oleh kelompok yang cerdik, berfikir di luar kotak dan yang memanfaatkan teknologi dan mengambil kesempatan daripada globalisasi. Satu kajian terbaru dikeluarkan World Institute for Development Economics Research bagi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengesan taburan kekayaan (wealth distribution) di dunia.

Apa yang jelas ialah satu peratus penduduk dunia memiliki 40 peratus kekayaan planet ini. Ia kajian tuntas yang pertama bagi mengesan taburan kekayaan menggunakan data baru dan tentunya lebih boleh dipercayai. Ini termasuk mengesan simpanan wang, hutang, pemilikan tanah, bangunan dan sebagainya, bu-

kan sekadar pendapatan seperti kaedah lama. Secara global, nilai kekayaan manusia dianggarkan RM462.5 trilion.

Laporan itu juga menunjukkan bahawa mereka yang menguasai perkhidmatan kewangan dan sektor teknologi maklumat (khususnya internet) mewakili kumpulan paling kaya. Satu pertiga daripada mereka tinggal di Amerika Syarikat (AS), 27 peratus tinggal di Jepun, 6 peratus di United Kingdom (UK) dan 5 peratus di Perancis.

Daripada kekayaan per kapita, rakyat Jepun mencatatkan RM669,700, sementara rakyat Amerika mencatatkan RM532,800 dan rakyat United Kingdom mencatatkan RM469,900. Secara bandingan, rakyat Indonesia hidup dengan per kapita nilai kekayaan sebanyak RM5,180, sementara rakyat India RM4,070.

Dimudahkan cerita, separuh rakyat dunia memiliki secara terkumpul satu peratus daripada kekayaan dunia. Dari segi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), berlaku peningkatan lebih 25 kali jumlah peningkatan taraf hidup rakyat negara maju dalam masa 20 tahun kebelakangan ini.

Dalam rencana saya sebelum ini saya menyebutkan bahawa lebih 800 juta manusia di dunia hari ini hidup dengan pendapatan RM3.70 sehari. Lebih dua bilion manusia kurang makan dan 18 juta manusia lagi (tiga perempat rakyat Malaysia) mati kerana kebuluran atau akibat kesannya setiap tahun.

Hari ini makna kekayaan sudah berubah dengan hebatnya. Seorang pengasas perisian komputer mem-

punyai nilai kekayaan peribadi RM370 bilion. Ini melebihi KDNK bagi semua negara di benua Afrika (tidak termasuk Afrika Selatan) jika dikumpulkan. Apabila syarikat Google.com disenaraikan di Bursa Saham New York, syarikat itu melahirkan lima orang *billionaires* dan 1,000 jutawan. Modal pasaran bagi syarikat itu ialah RM456 bilion atau lebih dua kali ganda jumlah yang akan kita belanjakan untuk membiayai RMK-9.

Pemain golf, Tiger Woods pula dibayar RM562 sesaat atau RM296 juta setahun oleh jenama tertentu sedangkan seorang pekerja di kilang baju di Thailand memerlukan 38 tahun untuk memperoleh pendapatan beliau dalam sehari. Seorang pemain bola sepak Liga Inggeris dibayar RM500,000 seminggu atau pendapatan kerani rendah untuk 416 bulan atau 34 tahun di Malaysia.

Begitulah 'ketidakadilan' yang berlaku di dunia hari ini. Dalam konteks Malaysia, keadaan lebih berbahaya sekiranya perbezaan itu dilihat daripada perspektif kaum. Tiada siapa yang mempunyai formula ajaib untuk menyelesaikan semua masalah itu.

Dispariti pendapatan akan tetap berlalu. Keadaan akan lebih buruk akibat elemen penguasaan ilmu dan maklumat masa kini diambil kira. Jurang digital akan menjarakkan lagi keadaan itu - kali ini mungkin di antara kaum itu sendiri. Malah, kemunculan *new urban poor* akan menghambat sebarang usaha untuk menangani dispariti sedia ada.

Dr Ismail mempunyai banyak cadangan konkrit dan saya percaya banyak daripadanya diterima pakai oleh pelbagai jawatankuasa dan majlis tindakan yang beliau anggotai, tetapi satu hal harus diambil perhatian serius, selagi orang Melayu tidak mempersiapkan diri dengan cabaran masa kini dan masa depan, selagi itulah usaha dan rancangan kerajaan tidak akan membuahkan hasilnya.

Dr Ismail misalnya melihat perlunya orang Melayu meningkatkan produktiviti dan menyusun semula struktur guna tenaga. Bayangkan pada masa ini 81.3 peratus daripada sumber pendapatan isi rumah orang Melayu dan Bumiputera datangnya daripada kerja makan gaji dan hanya satu peratus daripada sumber milikan harta.

Kerajaan boleh mengadakan pelbagai dasar, tetapi pada akhirnya jika tidak dilaksanakan pada peringkat pegawai, segalanya akan hanya tinggal dasar. Ambil saja contoh 60 peratus jumlah perolehan kerajaan yang diperuntukkan kepada orang Melayu. Sayangnya 80 peratus daripada jumlah ini sebenarnya jatuh ke tangan orang lain akibat sikap ambil jalan mudah, ketirisan dan kebocoran.

Pada akhirnya segala usaha untuk membantu orang Melayu dan Bumiputera akan terjejas. Orang lain akan bertanya apa lagi yang dimahukan oleh kita? Kerajaan hari ini, pimpinan orang Melayu yang mengamalkan dasar pro-Melayu, dijalankan oleh orang Melayu dengan mengambil kira majoriti rakyat berbangsa Melayu. Sayangnya orang Melayu masih lagi merintih untuk mendapat 'nyawa' di negara ini. Tepuk dada tanya selera.